

20/02/2000

Media perbesarkan isu pertandingan

Ramli Ibrahim

GUA MUSANG: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata isu beliau bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini, sengaja digembar-gemburkan akhbar tempatan.

Katanya, keadaan ini sedang menarik perhatian umum hingga pemimpin parti peringkat pusat turut membincangkan perkara itu sedangkan beliau tidak mempunyai sebarang persediaan.

Beliau berkata, isu itu tidak sepatutnya dibangkitkan lagi kerana beliau sudah berulang kali menyatakan bahawa belum ada sebarang rancangan untuk merebut jawatan tertinggi dalam parti.

"Nampaknya surat khabar mendahului daripada mulut (keputusan) saya hingga membuat semua orang bising...dan soal ini sebenarnya dalam keluarga Umno yang tidak perlu dihebohkan.

"Lagi pun, saya sudah beberapa kali menyatakan pendirian yang saya belum ada apa-apa rancangan untuk merebut jawatan tertinggi itu. Bagi saya sekarang, yang lebih penting ialah kerja untuk Umno Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung Umno cawangan Sungai Asap, di Balai Raya Rancangan Tanah Kesedar, Sungai Asap, dekat sini, malam kelmarin.

Hadir sama, Ketua Penerangan Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak; Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Galas, Mohamad Saufi Deraman; dan Adun Paloh, Nazula Mat Diah.

Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak ada masa untuk membincangkan perkara itu kerana banyak lagi masalah yang perlu diberi perhatian, khususnya berhubung kemantapan perjuangan Umno Kelantan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketika ditemui selepas majlis itu, beliau enggan melayan pemberita yang ingin mendapatkan pandangannya berhubung kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam akhbar semalam yang menyambut baik pendirian beliau untuk tidak merebut jawatan berkenaan.

"Tak ada berita lagi, dah tengah malam ni," katanya sambil mengelakkan diri meninggalkan tempat jamuan di sebuah rumah ahli Umno, dekat situ.

Dr Mahathir dalam kenyataan itu percaya Tengku Razaleigh akur dengan nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini.

"Saya percaya dia (Tengku Razaleigh) akan pegang kepada kenyataan ini," kata Perdana Menteri.

Sementara itu dalam satu kenyataan akhbar, Tengku Razaleigh mahu pemilihan perwakilan bahagian ke perhimpunan agung Umno dan pemilihan calon bagi semua jawatan di peringkat pusat dilakukan secara undi sulit.

Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab ahli parti yang mengambil bahagian dalam persidangan Umno bahagian memastikan peraturan undi sulit itu dilaksanakan bagi menentukan keputusan yang dibuat sah mengikut perlembagaan dan peraturan tetap persidangan.

"Saya percaya melalui undi sulit ini juga, setiap ahli Umno dapat mengambil bahagian dalam proses pemilihan ini tanpa rasa takut dan terdedah kepada sebarang ugutan atau sogokan sesuai dengan semangat kod etika," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Tengku Razaleigh berkata, bagi menjamin Umno terus mengamalkan sistem pemilihan yang telus serta terbuka, pengundian dan pembukaan -peti undi hendaklah dibuat dalam dewan persidangan.

Beliau yang sebelum ini menegaskan tiada rancangan untuk merebut mana-mana jawatan tertinggi Mei depan berkata, pengiraan juga hendaklah dibuat di tempat yang sama sebagai mana lazim dilaksanakan.

Katanya, proses itu juga hendaklah dilaksanakan di peringkat pusat ketika perhimpunan agung kelak dan patut disiarkan secara langsung melalui televisyen yang diletakkan di sekitar dewan perhimpunan.

"Saya percaya, Umno tidak akan keberatan melaksanakan kaedah ini kerana kaedah inilah juga yang digunakan oleh negara ketika pilihan raya umum," katanya.

Tengku Razaleigh berkata, beliau yakin demokrasi dan keterbukaan tidak akan melemahkan Umno.

Malah, tambahnya demokrasi dan pelaksanaan sistem pemilihan yang bersih dan telus membolehkan Umno melahirkan lebih ramai pemimpin berwibawa di semua peringkat bagi mengukuhkan perjuangan parti untuk bangsa, agama dan negara.

Beliau turut mengulangi sokongannya terhadap kod etika perilaku Umno yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi (MT) dan meminta semua pihak mematuhi demi memelihara perpaduan dan keutuhan parti.

"Malah, saya percaya ia lebih berkesan apabila pelaksanaannya dikendalikan oleh satu badan bebas yang dianggotai tokoh yang dihormati," katanya.

(END)